

20/10/2002

Kakitangan awam terima SSM

Sariha Mohd Ali

KUANTAN: Sistem Saraan Malaysia (SSM), menggantikan Sistem Saraan Baru (SSB) yang bakal dilaksanakan sepenuhnya mulai awal bulan depan diterima sepenuhnya oleh semua kakitangan kerajaan.

Ini berdasarkan tiada bantahan yang diterima sejak surat tawaran atau opsyen SSM diedar kepada kakitangan sektor awam untuk membuat pilihan dalam tempoh sebulan bermula 1 Oktober lalu, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Setakat ini, kata beliau sebahagian besar kakitangan kerajaan yang menerima tawaran opsyen SSM itu sudah mengembalikan surat tawaran berkenaan selepas menandatangani.

Beliau berkata, anggota perkhidmatan awam di Malaysia perlu bersyukur dan sentiasa mengingati keprihatinan kerajaan yang banyak menyediakan kemudahan dan insentif kepada mereka walaupun ekonomi negara masih belum pulih sepenuhnya.

"Segala kebaikan yang diberi kerajaan perlu dibalas kakitangan awam dengan bekerja keras dan memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat," katanya selepas majlis perasmian kejohanan futsal, bola tampar dan bola jaring Majlis Kebajikan dan Sosial Anggota Kerajaan (Maksak), di sini malam semalam. Turut hadir, Pengerusi Maksak Pahang yang juga Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Abdul Rahim Abdul.

Pada 30 Julai lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan SSM yang menggantikan SSB memberi lebih banyak faedah, terutama bagi meningkatkan kecekapan dan pengetahuan serta peluang pengembangan kerjaya kepada kakitangan awam.

Menerusi SSM, penilaian kecekapan kakitangan dibuat melalui peperiksaan atau kursus yang diwajibkan bagi menentukan kemajuan kerjaya dan gaji tahunan, selain laporan prestasi serta pengakuan ketua jabatan.

SSM adalah dasar ketiga diperkenalkan kerajaan selepas SSB yang diperkenalkan pada 1992 bagi menggantikan skim perkhidmatan mengikut laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet sejak 1976.

Sementara itu, Samsudin berkata kerajaan menyediakan peruntukan tahunan berjumlah RM1.2 juta untuk Maksak supaya menganjurkan kegiatan sukan membabitkan penyertaan kakitangan awam di seluruh negara.

Beliau berkata, langkah itu selari dengan hasrat kerajaan yang mahukan anggotanya mementingkan kesihatan, selain peluang riadah seumpama itu dapat merapatkan hubungan silaturahim di kalangan mereka.

"Sebenarnya anggota perkhidmatan awam di negara lain tidak berpeluang menikmati kemudahan bersukan seperti disediakan Maksak ini dan kita sepatutnya berbangga dengan apa yang diberi," katanya.